

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Dr Noor Hisham syukur Belanjawan 2021 lulus peringkat dasar

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengucapkan rasa syukur berikutan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 (Belanjawan 2021) diluluskan pada peringkat dasar semalam.

"Alhamdulillah. Kita bersama bersepadu teruskan peperangan (menentang) COVID-19," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) yakin semua Ahli Parlimen faham dengan situasi semasa pandemik COVID-19 dan situasi kewangan negara dan fokus sekarang ialah membendung penularan wabak itu serta memberi laluan ekonomi pulih dengan segera.

"Semoga dipermudahkan petugas barisan hadapan untuk meneruskan usaha membendung dan menangani ancaman wabak COVID-19," katanya.

Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 (Belanjawan 2021) diluluskan pada peringkat dasar semalam.

Ya diluluskan dengan suara majoriti selepas permohonan beberapa Ahli Parlimen untuk undi belah bahagian tidak berjaya kerana hanya 13 Ahli Parlimen yang bangun, kurang daripada jumlah diperlukan sebanyak 15 orang.

Belanjawan pertama kerajaan Perikatan Nasional (PN) berkenaan dibentangkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 6 November lalu dan seramai 82 Ahli Parlimen terbabit dalam sesi perbahasan.

Peruntukan mencecah RM322.5 bilion dicadangkan di bawah belanjawan berkenaan, menjadi jumlah terbesar dalam sejarah belanjawan negara ketika negara berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan impaknya terhadap kehidupan rakyat dan ekonomi negara.

Dalam belanjawan itu, Tengku Zafrul mengumumkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM31.9 bilion kepada Kementerian Kewangan iaitu kenaikan sebanyak 4.3 peratus, berbanding peruntukan tahun lalu.

Selain itu, petugas barisan hadapan KKM bakal menerima pemberian tambahan secara sekali bayaran sebanyak RM500.

BERNAMA

Penularan COVID-19

2,555 kes pulih, 3 kematian

935 jangkitan baharu dilaporkan semalam

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seramai 2,555 pesakit pulih daripada COVID-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah itu melebihi jangkitan baharu semalam, iaitu 935 kes.

Katanya, pertambahan kes pulih itu menjadikan jumlah kumulatif pesakit sembuh sebanyak 49,056 kes bersamaan 80.7 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Beliau berkata, jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di negara ini ialah 60,752 pesakit.

"Daripada jumlah 935 kes baharu ini, hanya empat kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dilaporkan.

"Bagi kes penularan tempatan, Sabah mencatatkan kes harian tertinggi, iaitu 326 kes baharu atau 34.9 peratus daripada jumlah kes hari ini (semalam).

"Ini diikuti oleh Selangor se-

banyak 161 kes (17.2 peratus) dan Negeri Sembilan 158 kes (16.9 peratus)," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ada tiga kematian disebabkan oleh COVID-19 semalam dan semua kes berlaku di Sabah.

Katanya, kematian itu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 348 kes atau 0.57 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, masing-masing satu kematian dilaporkan di Hospital Duchess of Kent di Sandakan, Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Tawau.

"Kes kematian ke-346 ialah wanita warganegara berusia 70 tahun dan meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent. Kematian ke-347 membabitkan lelaki warganegara berusia 59 tahun yang mempunyai penyakit darah tinggi dan asma.

"Kematian ke-348 pula membabitkan wanita warganegara berusia 77 tahun yang mempunyai penyakit kencing manis dan darah tinggi. Kematian wanita ini disahkan di Hospital Tawau," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, ada enam kluster baharu semalam membabitkan dua kluster di Sabah dan masing-masing satu kluster di Johor, Kuala Lumpur,



Daripada jumlah 935 kes baharu ini, hanya empat kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dilaporkan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

Kelantan dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, kluster di Sabah dikesan di daerah Tawau yang dinamakan sebagai Kluster Bot Biru hasil saringan individu bergejala yang sudah menjangkiti 17 individu.

Katanya, bagi kluster dikes-

san di Tawau yang dinamakan sebagai Kluster Blok 31, hasil saringan individu bergejala dan sudah menjangkiti 13 kes.

"Kluster ketiga dikesan di Johor Bahru membabitkan syarikat logistik yang dinamakan sebagai Kluster Gemilang, hasil saringan dalam kalangan pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dan sudah menjangkiti 26 individu.

"Kluster seterusnya dinamakan sebagai Kluster Tapak Bina Sungai Udang yang dikesan di sebuah tapak pembinaan dalam daerah Kepong, Kuala Lumpur hasil saringan di tempat kerja dan sudah menjangkiti 11 individu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster kelima dikesan di Kota Bharu dan Machang di Kelantan yang dikenali sebagai Kluster Chengal hasil saringan pesakit SARI dan sudah menjangkiti 15 individu.

"Kluster keenam dikenali sebagai Kluster Damar Laut di daerah Timur Laut dan Barat Daya di Pulau Pinang serta daerah Padang Terap di Kedah.

"Lima kes positif pertama dalam kluster ini dikesan positif hasil saringan individu bergejala. Sehingga kini ia sudah menjangkiti 13 individu," katanya.

Fakta Nombor

4.3 peratus

kenaikan peruntukan Belanjawan 2021

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

3 kematian semalam

Kes baharu 935 manakala sembuh tertinggi catat 2,555 kes

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

“S ebanyak 935 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam dengan tiga kematian,” kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Bagaimanapun, beliau berkata, bilangan kes sembuh sebanyak 2,555 kes iaitu tertinggi setakat ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah 49,056 kes (80.7 peratus daripada jumlah keseluruhan)

Menurutnya, kes baharu itu menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 60,752 kes manakala jumlah kes aktif dengan



103 kes (11.0 peratus) dilaporkan adalah berkaitan kluster di lokap dan penjara”

Dr Noor Hisham

kebolehjangkitan pula adalah 11,348 kes.

“Terdapat empat kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dan 931 kes adalah penularan Covid-19 dalam negara.

“Hari ini, Sabah melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 326 kes (34.9 peratus), diikuti Selangor sebanyak 161 kes (17.2 peratus) dan Negeri Sembilan 158 kes (16.9 peratus),” ka-

tanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 103 kes (11.0 peratus) dilaporkan adalah berkaitan kluster di lokap dan penjara membabitkan Kluster Bakti (95 kes), Kluster Tembok (5 kes), Kluster GK Tawau (2 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (1 kes).

Beliau berkata, sehingga kini, terdapat 110 kes positif Covid-19 sedang dirawat di

Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana 45 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, tiga kematian yang dilaporkan semalam membabitkan dua wanita dan seorang lelaki warganegara berusia 59 hingga 77 tahun.

“Kematian ke 346 membabitkan wanita berusia 70 tahun yang meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent, Sabah manakala kematian ke-347 membabitkan seorang lelaki berusia 59 tahun yang menghidap darah tinggi dan asma.

“Lelaki itu meninggal di Hospital Queen Elizabeth. Sementara kematian ke 348 membabitkan seorang wanita berusia 77 tahun yang menghidap kencing manis serta darah tinggi dan kematiannya disahkan di Hospital Tawau,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 1 |

RUANGAN : DEWAN RAKYAT



Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jumlah gaji dan elaun tetap diterima pakar perubatan gred UD53, 54, 55, dan 56 antara RM11,000 hingga RM21,000 manakala pakar perubatan gred kanan pula RM16,000 hingga RM37,000 sebulan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pakej yang ditawarkan kepada pakar perubatan termasuk sub kepakaran adalah disifatkan menarik.

“Faedah yang diberikan bukan sahaja bersifat monetari malah tawaran juga diberikan dalam bentuk bukan monetari.

“Jumlah gaji ini tidak termasuk elaun yang boleh dituntut kerana perkhidmatan seperti Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan (BIPP) di Sarawak, Sabah dan Labuan, elaun *on-call* dan Bayaran Insentif Khas (Pembedahan Elektif),” katanya pada sesi penggulungan perbahasan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tenggara berkata, bermula tahun depan, sejumlah RM2.065 bilion peruntukan bagi perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dan Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK), terbahit

SENTIASA USAHA TAMBAH PAKAR

*Peruntukan untuk KKM
rangkumi pendekatan inklusif*

dalam pengkelasan semula peruntukan dan dipindahkan (*reclass*) daripada Peruntukan Mengurus kepada Peruntukan Pembangunan.

“Mulai 2021 juga, semua peruntukan bagi tujuan bekalan perubatan termasuk ubat, gas perubatan berjumlah RM4.29 bilion bagi keperluan farmasi hospital, klinik kesihatan termasuk klinik pergigian

yang sebelum ini di bawah aktiviti dan mengikut bidang kepakaran masing-masing, dipindahkan di bawah Bekalan Perubatan Fasiliti Kerajaan berjumlah RM2.89 bilion dan konsesi penswastan makmal ubat sebanyak RM1.4 bilion.

“Ia bertujuan memudahkan pemantauan peruntukan dan perbelanjaan secara menyeluruh bagi semua fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Dalam hal ini, Belanjawan

2021 turut merangkumi pendekatan inklusif di Sabah dan Sarawak yang mana kerajaan memperuntukkan lebih daripada RM4 bilion setiap tahun untuk Sabah dan Sarawak dan sehingga kini, KKM memperuntukkan RM209.3 juta bagi perolehan pelbagai bekalan dan perkhidmatan berkaitan Covid-19 untuk fasiliti kesihatan Sabah,” katanya.

Menurutnya, KKM sentiasa menghargai jasa dan khidmat petugas kesihatan yang dilantik secara kontrak dan bersedia untuk memperakukan pegawai yang berkhidmat secara kontrak serta memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan untuk dilantik secara tetap.

Ia pula tertakluk kepada kekosongan dan pewujudan jawatan tetap dari semasa ke semasa.

“Bagi anak kelahiran Sabah dan Sarawak, KKM memberi keutamaan kepada mereka untuk dilantik dan mengisi jawatan di negeri kelahiran masing-masing, termasuk negeri lain, sekiranya jumlah mereka yang berjaya dilantik melebihi daripada jumlah perjawatan di Sabah dan Sarawak.

“KKM sentiasa berusaha menambah jumlah pakar perubatan di KKM terutamanya dalam bidang kepakaran kritikal yang sangat diperlukan. Kita bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyediakan sekitar 1,200 slot pengajian bagi 23 bidang kepakaran untuk pegawai perubatan mengikuti program Sarjana Perubatan,” katanya.



“
Tawaran juga
diberikan dalam
bentuk bukan
monetari
Dr Adham

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

2,555 pesakit pulih, 935 penularan harian dengan tiga kematian

Rekod kes sembuh tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Dua hari berturut-turut negara merekodkan angka sembuh terbanyak dengan 2,555 kes semalam, sekali gus tertinggi sejak pandemik Covid-19 dilaporkan di negara ini.

Kes harian pula masih merekodkan tiga digit dengan 935 kes yang antara lain turut disumbangkan 44 kluster aktif, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di seluruh negara kini mencecah 60,752 kes.

Terdapat tiga kluster, merekodkan kes tertinggi iaitu Kluster Bakti (95 kes), Kluster Cergas (48) dan Kluster Enggor (43) manakala berdasarkan pecahan negeri pula, Sabah melaporkan kes tertinggi iaitu sebanyak 326 kes atau 34.9 peratus.

Ia diikuti oleh Selangor sebanyak 161 kes atau 17.2 peratus dan seterusnya, Negeri Sembilan sebanyak 158 kes atau 16.9 peratus.

Kluster di lokap dan penjara melaporkan sebanyak 103 kes atau 11 peratus membabitkan Kluster Bakti (95 kes), Kluster Tembok (lima), Kluster GK Tawau



KIRA-KIRA 6,000 pekerja sebuah kilang di Bayan Lepas semalam beratur untuk menjalani ujian saringan Covid-19. – AMIR IRSYAD OMAR

(dua) dan Kluster Penjara Kepyayan (satu).

Pada masa sama, tiga lagi kematian baharu direkodkan di Sabah melibatkan dua wanita dan seorang lelaki berusia 59, 70 dan 77 tahun menjadikan jumlah kes kematian terkini berkaitan Covid-19 sebanyak 348 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdul-

lah berkata, enam lagi kluster baharu dikesan dan satu daripadanya Kluster Bot Biru di Tawau, Sabah dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, 17 lagi dikesan positif dalam kluster tersebut.

Menurutnya, Kluster Blok 31 pula turut dikesan di Tawau melibatkan kes indeks bergejala dan seterusnya, 13 lagi kes dikesan

positif selepas saringan dijalankan.

“Selain itu, Kluster Gemilang melibatkan sebuah syarikat logistik di Johor Bahru dengan kes indeks ialah kes jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) dan berikutan itu, sebanyak 26 lagi kes dikesan positif.

“Bagi Kluster Tapak Bina Sungai Udang pula membabitkan pekerja tapak pembinaan di Kepong, Kuala Lumpur iaitu kes indeks hasil saringan di tempat kerja dan kemudian, 11 kes dikesan positif dalam kluster ini,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, kluster berikutnya ialah Kluster Chengal di Kota Bharu dan Machang, Kelantan dengan kes indeks merupakan kes SARI dan selepas itu, sebanyak 15 lagi kes positif turut dikesan.

Ujarnya, kluster baharu yang terakhir ialah Kluster Damar Laut di Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang serta Padang Terap, Kedah dengan jima kes pertama bagi kluster ini dikesan positif hasil saringan bergejala.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	935
• Import: 4 Tempatan: 931	
• Pulih	2,555
• Kematian	3
• Masih dirawat	11,348
• Jumlah Kes sembuh	49,056
• Jumlah Kematian	348
Jumlah kes keseluruhan	60,752

“Seterusnya sebanyak 13 kes lagi dikesan positif dalam kluster ini,” ujarnya lagi.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu semalam, sebanyak empat kes import mendapati jangkitan dari luar negara, manakala bakinya sebanyak 931 kes adalah penularan tempatan.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, dua lagi kluster diisytiharkan tamat iaitu Kluster Tugusun dan Kluster Seri Gaya menjadikan sebanyak 172 kluster ditamatkan, manakala 173 kluster lagi masih aktif.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMEWANGI WABAK COVID-19

Bilangan kes pulih tertinggi

Sebanyak 2,555 kes pulih dicatatkan semalam, kes positif menurun kepada 935 kes

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Bilangan kes pulih daripada jangkitan koronavirus (Covid-19) terus mencatatkan angka tertinggi dua hari berturut-turut dengan 2,555 kes

dilaporkan semalam. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah tersebut menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah 49,056 kes. "Ia bersamaan dengan 80.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, kes pulih turut merekodkan jumlah tertinggi dengan 2,348 kes.

Dalam pada itu menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan kes baharu positif Covid-19 sebanyak 935 kes semalam. "Ini menjadikan jumlah kes



Anggota Bomba dan Penyelamat menyembur bahan sanitasi di tempat kawasan tumpuan penduduk pada Program Inisiatif Bersepadu Mengekang Penularan Covid-19 di Kampung Bahagia, Sandakan semalam.

positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 60,752 kes dengan 11,348 kes dirawat di

hospital," katanya. Beliau berkata, daripada jumlah itu, 931 kes adalah pe-


nularan dalam negara. "Sabah hari ini (semalam) melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 326 kes, diikuti Selangor 161 kes dan Negeri Sembilan 158 kes. "Selain itu, Perak merekodkan 79 kes, Johor (60), Kuala Lumpur (59), Kelantan (28), Kedah (24), Pulau Pinang (17) dan Labuan (13).

"Putrajaya mencatatkan lima kes, Sarawak empat kes dan satu di Terengganu," katanya.

Katanya, terdapat pertambahan tiga kes kematian berkaitan Covid-19 semalam.

"Ia menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah 348 kes," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Sabah kembali dominasi kes Covid-19

PUTRAJAYA: Selepas beberapa hari Selangor mendominasi bilangan pesakit baharu Covid-19, semalam Sabah kembali merekodkan kes positif tertinggi iaitu 326 kes diikuti Selangor sebanyak 161 kes dan Negeri Sembilan, 158 kes.

Sebanyak 103 kes baharu berkenaan berkaitan kluster-kluster di lokap dan penjara membabitkan Kluster Bakti (95 kes), Kluster Tembok (5 kes), Kluster GK Tawau (2 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (1 kes).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, keseluruhan kes positif iaitu 935 kes semalam sekali gus menjadikan jumlah kumulatif Covid-19 meningkat kepada 60,752 kes.

Menurut beliau, terdapat 110 kes positif dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 45 kes memerlukan bantuan pernafasan dan tiga kematian direkodkan.

Mengulas lanjut, Dr. Noor Hisham berkata, dua kluster baharu dikesan di Tawau, Sabah iaitu Kluster Bot Biru, 17 kes manakala Kluster Blok 31, 13 kes.

"Bagi Kluster Gemilang melibatkan sebuah syarikat logistik di Johor Bahru, Johor, sebanyak 26 kes dan Kluster Tapak Binaan Sungai Udang di Kepong, Kuala Lumpur membabitkan 11 kes.



IMPAK Covid-19 mengubah nasib kebanyakan rakyat dan ia tidak terkecuali buat pengusaha bas persiaran, Anuar Alwi yang kini menjual nasi berlauk, menu dari Kelantan di Jalan Perak, Kuala Lumpur demi kelangsungan hidup. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

"Di Kota Bharu dan Machang, Kelantan, Kluster Chengal membabitkan kes Severe Acute Respiratory Infections (SARI) dilaporkan positif dengan 15 kes dikesan serta Kluster Damar Laut di Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang dan Padang

Terap, Kedah, sebanyak 13 kes positif," kata beliau dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, sebanyak 173 kluster aktif direkodkan semalam.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44 kluster mempu-

nyai pertambahan kes.

"Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini (semalam) ialah Kluster Bakti (95 kes), Kluster Cergas (48 kes) dan Kluster Enggor (43 kes)," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19

NATION RECORDS 2,555 RECOVERIES

2,126 patients in Sabah recovered from virus, the highest in country, says Health D-G

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA recorded its highest number of Covid-19 recoveries yesterday with 2,555, bringing the total number of patients recovered from the virus to 49,056 or 80.7 per cent.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sabah registered the highest recovery at 2,126 cases, followed by Selangor (207), Kuala

Lumpur/Putrajaya (64), Negri Sembilan (47), Perak (41), Penang (29), Kedah (11), Sarawak (eight), Kelantan (eight), Labuan (seven), Johor (four), and Melaka (three).

He said 935 new Covid-19 cases were recorded yesterday, which are mostly local infections except for four imported cases.

This brings the tally of infections to 60,752, including 11,348 active ones, he said.

He said Sabah recorded the highest number of cases at 326 or 34.9 per cent, followed by Selangor (161 or 17.2 per cent) and Negri Sembilan (158 or 16.9 per cent).

"A total of 103 cases (11 per cent) were related clusters in lockups and prisons involving the Bakti cluster (95 cases), Tembok cluster (five), GK Tawau cluster (two) and Kepayan Prison cluster (one)," he said yesterday.

Yesterday, the Crisis Preparedness and Response Centre reported three Covid-19 deaths, all in

Sabah, raising the nationwide death toll to 348.

"A total of 110 cases are in the Intensive Care Unit, while 45 require ventilator support."

Dr Noor Hisham said six new Covid-19 clusters were reported as of noon yesterday, namely Bot Biru, Blok 31, Gemilang, the Sungai Udang construction site, Chengal and Damar Laut.

He said the Bot Biru and Blok 31 clusters were identified in Tawau, Sabah, with the index case (Case 46,546) tested positive during a screening on Oct 15.

"As of noon today (yesterday), 23 people linked to the cluster have been tested with 17 tested positive," he said.

The index case for Blok 31 cluster

(Case 52,971) was tested positive on Nov 21 following a screening of symptomatic individuals.

"As of today (yesterday), 26 people connected to this cluster have been screened, with 13 people coming back positive."

Meanwhile, Dr Noor Hisham said the Gemilang cluster involved a logistics company in Johor Baru.

The index case of the cluster (Case 58,837), he said, was a patient with Severe Acute Respiratory In-

fections (SARI), who tested positive on Nov 24.

"As of Nov 26, 95 people have been screened, with 26 tested positive."

He said Sungai Udang con-

struction site cluster involved workers at a site in Kepong.

"The index case (Case 54,604) was tested positive on Nov 22. As of noon today (yesterday), 196 people have been screened and 11 of them tested positive."

The Chengal cluster, Dr Noor Hisham said, was detected in Kota Baru and Machang in Kelantan.

"The index case (Case 54,773) is a SARI patient who tested positive on Nov 21. To date, 254 people linked to this cluster have been screened, with 15 being positive."

He said the Damar Laut cluster involved Timur Laut and Barat Daya districts in Penang, as well as Padang Terap in Kedah.

"The first five cases were tested positive following a screening for symptomatic individuals between Nov 21 and 25. As of today (yesterday), 651 individuals were screened, with 13 positive."



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NATION

New record number of recoveries in a single day

PUTRAJAYA: For two days in a row, Malaysia saw more Covid-19 recoveries than new cases. The country recorded 935 new Covid-19 cases and discharged 2,555 patients yesterday, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

With 2,555 patients being discharged, the figure is the country's new record for the number of recoveries in a single day. In total, 49,056 patients have recovered from Covid-19 in Malaysia.

Active cases have gone down to 11,348, while cumulatively, Malaysia's Covid-19 cases since the pandemic began have reached 60,752.

As many as 110 people are now being treated at intensive care units, with 45 requiring ventilator support.

Sabah recorded the most number of cases out of all states with 326 infections, followed by Selangor with 161 and Negri Sembilan with 158 cases, said Dr Noor Hisham.

The Bakti Covid-19 cluster in

Negri Sembilan, which is linked to a prison in Seremban, recorded the most number of new infections with 95 cases.

This is the second day in a row the cluster has recorded the highest daily case rise in the country.

The Bakti cluster, which originated from a prison inmate who tested Covid-19 positive on Nov 22, currently has 424 cases.

A total of 1,450 people related to the cluster have been screened.

The Teratai cluster, which is

linked to the outbreak among workers of glove manufacturers Top Glove, recorded 30 new cases yesterday.

It is currently Malaysia's biggest ever Covid-19 cluster throughout the pandemic with 4,093 cases.

A total of 6,526 individuals linked to the cluster have been tested, while 455 patients have recovered and been discharged so far.

As of yesterday, there are 345 active clusters in Malaysia, with six new clusters recorded the

same day.

The clusters are Bot Biru cluster (Sabah, 13 cases), Gemilang cluster (Johor, 26 cases), Tapak Bina Sungai Udang cluster (Kuala Lumpur, 11 cases), Chengal (Kelantan, 15 cases) and Damar Laut cluster (Penang and Kedah, five cases).

Dr Noor Hisham also announced three new Covid-19 fatalities, taking the country's death toll to 348.

All the cases were in Sabah involving two women and one man, aged between 59 and 77.

AKHBAR : THE SUN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Daily recoveries hit **new high**

► 2,555 more cured of Covid-19 but another 935 added to list of active cases

PETALING JAYA: Malaysia recorded the highest number of daily recoveries from Covid-19 infection yesterday, with 2,555 cases documented.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, in his statement yesterday, said the figure made the cumulative number of recoveries at 49,056 cases or 80.7% of the total. The country recorded 2,348 recoveries on Wednesday.

The new daily cases recorded yesterday were 935 cases, bringing the total number of positive cases in Malaysia to 60,752.

"Of the new cases, four are imported from abroad, while 931 cases are domestic transmissions. The number of active cases with Covid-19 infectivity is 11,348 cases," Noor Hisham said.

Sabah recorded the highest daily cases at 326, followed by Selangor with 161 cases and Negri Sembilan, which recorded 158 cases.

Three states which did not record any new case yesterday were Pahang, Malacca and Perlis.

To date, 110 positive cases were being treated at the intensive care unit (ICU) with 45 requiring respiratory support.

There were three Covid-19 fatalities yesterday, bringing the cumulative number of deaths from the pandemic in Malaysia to 348.

All the deaths yesterday were from Sabah and involved locals, including a 70-year-old woman who died at the Duchess of Kent Hospital in Sandakan.

Two more deaths involved a 59-year-old man, with a history of high blood pressure and asthma, who died at the Queen Elizabeth Hospital and a 77-year-old woman, who was also suffering from diabetes and high blood pressure, who died at the Tawau Hospital.

There were six new clusters reported yesterday, while two were declared closed,

bringing the total number of active clusters to 173.

The two clusters ended are the Tuguson cluster in Kota Belud, Sabah and the Seri Gaya cluster involving Kota Kinabalu and Tuaran in Sabah, which takes the number of clusters closed to date to 172.

The six new clusters identified comprised two clusters in Tawau, Sabah, namely Bot Biru cluster and Bot 31 cluster, while there was a cluster each in Johor (Gemilang cluster), Kuala Lumpur (Sungai Udang construction site cluster), Kelantan (Chengal cluster), as well as the Damar Laut cluster in Penang and Kedah.

Meanwhile, 243 individuals were arrested for various violations of the recovery movement control order, including not wearing face masks. A total of 26 of them were remanded while 217 were issued compounds.

"Among the violations include failure to wear face masks (79 individuals), failure to observe physical distancing (48), failure to provide check-in facilities for customers (40) as well as crossing states and district borders without permission (20)," Senior Minister (Security) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said in a statement.